

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1988/89

EUP 302 Psikologi Perindustrian

Tarikh: 1 November 1988

Masa: 9.00 pagi - 11.00 pagi
(2 jam)

ARAHAN KEPADA CALON:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 4 muka surat dan ENAM (6) soalan bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT (4) soalan.

Agihan markah bagi setiap soalan diberikan di sut sebelah kanan sebagai peratusan daripada markah keseluruhan yang diperuntukkan bagi soalan berkenaan.

Jawab kesemua soalan di dalam Bahasa Malaysia.

1. Menyadari bahawa individu-individu adalah berbeza di antara satu sama lain bagaimanakah pengurusan memenuhi keperluan mereka yang berbeza-beza itu? Mengikut jangkaan anda apakah halangan-halangan yang mungkin wujud untuk melaksanakan sistem tersebut?

(100%)

2. Buat penilaian mengenai kebaikan mengadakan latihan di dalam kerja bagi juruteknik-juruteknik sebuah firma perkilangan. Apakah langkah-langkah awasan yang harus dibuat untuk mengelakkan berlakunya sebarang masalah yang mungkin timbul?

(100%)

3. Adakah anda bersetuju jika dikatakan bahawa ketua eksekutif yang memulakan komunikasi dan proses ini berakhir apabila ianya diterima oleh kakitangan di peringkat yang paling bawah di dalam hirarki pengurusan? Jika benar bagaimanakah proses komunikasi tersebut dan huraikan jenis kepimpinan yang mengamalkan komunikasi jenis ini?

(100%)

4. SAMA ADA

Bezakan di antara teori hirarki keperluan Maslow dengan teori kesihatan dan dorongan Hertzberg. Pada pendapat anda apakah implikasi daripada teori Hertzberg itu?

(100%)

ATAU

Apakah kemungkinan yang menyebabkan berlakunya konflik di antara pegawai latihan dengan pengurusan pengeluaran di dalam sebuah firma pengilangan? Sarankan cara-cara untuk mengatasi konflik tersebut.

(100%)

5. Di dalam keadaan bagaimanakah yang menggalakkan penubuhan kumpulan tak formal di dalam organisasi perniagaan? Apakah tindakan pengurusan untuk memanfaatkan peranan dan sumbangan kumpulan ini di dalam usaha mencapai objektif organisasi?

(100%)

6. SAMA ADA

Dapatkan anda huraikan pernyataan bahawa 'synergy' adalah hasil daripada usaha bersama pekerja-pekerja? Apakah implikasi daripada usaha ini di dalam organisasi perniagaan?

(100%)

ATAU

Bagaimanakah mungkin anda menganggap yang pekerja tidak ada bezanya dengan barang-barang yang harus mempunyai kualiti yang tinggi tetapi dibayar dengan harga yang paling murah? Apakah pendapat ini benar sepanjang masa?

(100%)